



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS

**Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pelajaran Malaysia**

2012

KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
1. PENGENALAN	2
2. DEFINISI	3
3. MATLAMAT	4
4. OBJEKTIF	4
5. PUNCA DAN BIDANG KUASA	4
6. PELANTIKAN GURU PEMULIHAN / GURU PEMULIHAN KHAS	5
7. PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS	7
8. PENGURUSAN KELAS PEMULIHAN KHAS	10
9. PERANAN PENTADBIR	13
10. PENUTUP	17

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 – Contoh Surat Pelantikan Guru Pemulihan	18
LAMPIRAN 2 – Cadangan Plan Susun Atur Perabot Dan Peralatan Dalam Kelas Pemulihan Khas	19
LAMPIRAN 3 - Borang Pencalonan Kemasukan ke Program Pemulihan Khas / LINUS Tegar	20
LAMPIRAN 4 - Profil Murid Pemulihan Khas / LINUS Tegar	21
LAMPIRAN 5 - Borang Pengumpulan Maklumat	23
LAMPIRAN 6 - Rekod Prestasi Ujian Diagnostik	25
LAMPIRAN 7 - Rekod Prestasi Individu	27
LAMPIRAN 8 - Borang Skor Ujian Saringan Bahasa Malaysia	28
LAMPIRAN 9 - Borang Skor Ujian Saringan Matematik (IKAM)	29
LAMPIRAN 10 -Surat Siaran yang berkaitan Program Pemulihan Khas	30

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS

1. PENGENALAN

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960an bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M).

Pada tahun 1983, sistem pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Kurikulum baru ini merupakan satu usaha untuk kembali semula kepada asas pendidikan dengan memberi fokus kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M). Murid-murid yang tidak menguasai 3M dibantu melalui aktiviti pemulihan dalam kelas.

Fokus ke arah membasmi masalah 3M ini turut termaktub di dalam Teras Ketiga : Memperkasakan Sekolah Kebangsaan dan Teras Keempat : Merapatkan Jurang Pendidikan; dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006–2010. Melalui kedua-dua teras ini, beberapa pelan tindakan dirancang untuk memastikan murid-murid menguasai kemahiran asas 3M pada tahap 1. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkasakan Program Pemulihan Khas dengan menaik taraf kelas Pemulihan Khas dan menyediakan Guru Pemulihan terlatih yang mencukupi termasuk di Sekolah Kurang Murid (SKM).

Melalui Transformasi Pendidikan, Program Literasi dan Numerasi (LINUS) telah diperkenalkan pada bulan Ogos 2009. Program LINUS adalah sebahagian daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan dalam Program Transformasi Kerajaan merupakan satu kesinambungan daripada program yang sedia ada bagi mengatasi masalah penguasaan kemahiran asas 3M dengan lebih sistematik. Pelaksanaan program LINUS mensasarkan 100% murid tahun 3

menguasai kemahiran literasi dan numerasi sebelum ke tahun 4 mulai tahun 2013 kecuali murid berkeperluan khas.

2. DEFINISI

2.1 Program Pemulihan Khas

“Satu program pendidikan disediakan untuk murid yang mengalami masalah dalam penguasaan kemahiran asas 3M yang kompleks disebabkan oleh faktor persekitaran. Program ini dijalankan oleh guru yang khusus, di ruang yang khusus.”

(KPM 2001)

2.2 Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas

Guru Pemulihan merupakan guru yang terlatih di institusi yang menyediakan kursus-kursus pendidikan pemulihan seperti di universiti, institut perguruan mahu pun institut pendidikan guru sama ada dalam negara atau luar negara. Hasilnya Guru Pemulihan mempunyai kepakaran yang khusus bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh murid-murid yang lemah dalam penguasaan kemahiran asas 3M (menulis, membaca dan mengira)

2.3 Murid Pemulihan Khas

Pusat Perkembangan Kurikulum (1984); Murid pemulihan ialah mereka yang menghadapi masalah pembelajaran dalam kemahiran-kemahiran tertentu, bersifat negatif terhadap pembelajaran dan mempunyai tingkah laku yang menjejaskan pembelajaran serta kurang sikap keyakinan diri dan sikap positif terhadap pembelajaran.

Menurut laporan yang bertajuk “*Asia and Pasific Programme of Education Innovation for Development*” (1987) yang disediakan

oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, sasaran pengajaran pemulihan ialah:

“Those that are categorised as having learning problems generally display a disability in areas such as reading, spoken or written language, mathematics and in skills related to perceptual processes in learning. Due to their shortcomings in one or more of the areas, some children find learning a difficult task.”

3. MATLAMAT

Memastikan semua murid menguasai kemahiran asas 3M kecuali murid berkeperluan khas.

4. OBJEKTIF

Setelah mengikuti program ini murid dapat:

- 4.1 menguasai kemahiran asas 3M
- 4.2 meneruskan pembelajaran di kelas biasa
- 4.3 membina keyakinan diri dan bersikap positif terhadap pembelajaran.

5. PUNCA DAN BIDANG KUASA

Surat Siaran Kementerian Pelajaran (*yang berkaitan dengan Program Pemulihan Khas*)

- 5.1 Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM.
Bil.KP(BS)8594/PK/Jld.11(32) bertarikh 22 Jan.1985
(Guru Khas Pendidikan Pemulihan)
- 5.2 Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM.
Bil.KP(BS)8502/5/PK/Jld. V(26) bertarikh 28 Jan.1986
(Kelas Khas Pemulihan Di Sekolah Rendah)
- 5.3 Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM.
Bil.KP(BS)8502/PK/Jld. V(29) bertarikh 17 Mac.1986
(Pengawasan dan Penyeliaan Program Pemulihan)

- 5.4 Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah
KPM. Bil.KP(BS)8502/PK/Jld.V(34)bth.30 Jun 1989
(Guru Khas Pemulihan Khas Dan Penubuhan Kelas Khas Pemulihan Di Sekolah Rendah)
- 5.5 Surat Siaran Bahagian Perkembangan Kurikulum
KP(BPK)400-32/6Jld.3 (61)
[Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Tahap 1 Di Sekolah Rendah]
- 5.6 Surat Siaran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4(1)bth. 23 Mac 2012
[Tatacara Pelaksanaan Saringan dan Tahap Penguasaan Literasi dan Numerasi (LINUS) Murid Tahap 1, Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)]
- 5.7 Surat Siaran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld. 4(18)bth. 03 Julai 2012
(Guru Pemulihan DiBawah NKRA Pendidikan – LINUS)
- 5.8 Surat Siaran Bahagian Pendidikan Khas
KPM.BPKHAS.300-2/2/3 (24) bth. 29 Oktober 2012
(Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Tahun 2012)

6. PELANTIKAN GURU PEMULIHAN / GURU PEMULIHAN KHAS


- 6.1 Pelantikan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas dilaksanakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri secara bertulis. Surat pelantikan hendaklah mengikut format surat pelantikan perjawatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) masing-masing. Guru besar perlu memaklumkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri jika terdapat kekosongan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas di sekolah.
- 6.2 Kelayakan yang perlu diambil kira untuk melantik guru Pemulihan :
- 6.2.1 Sijil Kursus Asas Pemulihan Khas yang dianjurkan oleh KPM / JPN / PPD **atau**
- 6.2.2 Sijil Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) Pemulihan Khas 14 Minggu **atau**
- 6.2.3 Sijil Kursus Dalam Cuti (KDC) Pemulihan Khas 6 Bulan **atau**

- 6.2.4 Diploma Khas Pendidikan Pemulihan Khas (KDP Sijil Perguruan Khas Pendidikan Pemulihan Khas (KSPK) 1 tahun). **atau**
- 6.2.5 Ijazah Sarjana Muda Pemulihan Khas (KPLI) **atau**
- 6.2.6 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas (Pemulihan Khas) **atau**
- 6.2.7 Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) Pemulihan
- 6.2.8 Sekiranya seseorang guru pemulihan tidak mempunyai kelayakan seperti di atas, maka pengalaman mengajar Kelas Pemulihan Khas sekurang-kurangnya 3 tahun boleh diambilkira.

7. PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS

Proses pelaksanaan Program Pemulihan Khas adalah seperti dalam carta aliran berikut:

CARTA ALIRAN PELAKSANAAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS



7.1 Pencalonan Murid

7.1.1 Pencalonan murid adalah berdasarkan kepada pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik.

7.1.2 Pencapaian murid boleh diambilkira berdasarkan :

- **Tahap Satu – Saringan LINUS**
- **Tahap Dua – Instrumen Penentu Penguasaan Menulis dan Membaca (IPP2M) dan Instrumen Kemahiran Asas Matematik (IKAM)**

7.1.3 Pencalonan daripada guru matapelajaran / guru kelas

7.2 Pengumpulan Maklumat Murid

7.2.1 Maklumat dan prestasi akademik murid akan menentukan murid tersebut perlu mengikuti Program Pemulihan Khas.

7.2.2 Maklumat berkaitan murid boleh diakses melalui Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM)

7.3 Saringan

7.3.1 Fungsi Saringan adalah untuk menentukan calon yang layak mengikuti Program Pemulihan Khas.

7.3.2 Saringan yang digunakan ialah :

- **Tahap Satu – Saringan LINUS**
- **Tahap Dua – Instrumen Penentu Penguasaan Dua Menulis dan Membaca (IPP2M) dan Instrumen Kemahiran Asas Matematik (IKAM)**

7.4 Ujian Diagnostik

7.4.1 Fungsi:

Ujian Diagnostik **perlu** dijalankan untuk membantu Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas mengesan aras kelemahan dan kekuatan murid secara khusus.

7.4.2 Instrumen:

Ujian Diagnostik disediakan oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Sebagai panduan, guru boleh merujuk kepada Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M) terbitan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (2000).

7.5 Ujian Pengamatan

Pengamatan adalah satu proses untuk mengenal maklumat daripada tindakbalas pancaindera. Ujian ini disediakan untuk membantu mengesan murid membeza, mengumpul dan membuat penumpuan sebagai persediaan untuk mengikuti pembelajaran dan pengajaran. Sebagai panduan guru boleh merujuk kepada Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M) terbitan Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia (2000).

7.6 Penyediaan Rancangan Pengajaran Harian

Guru boleh merancang pembelajaran dan pengajaran murid berdasarkan analisa ujian diagnostik.

7.7 Pelepasan

7.7.1 Instrumen yang disediakan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Pendidikan Khas, KPM untuk penyelarasan dan penyeragaman ujian pelepasan yang seragam bagi kebolehpercayaan pengumpulan data.

7.7.2 Instrumen Tahap Dua dikeluarkan oleh Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia.

7.8 Penyimpanan Rekod

Bagi memastikan proses pemulihan dilaksanakan dengan berkesan, penyimpanan rekod kemajuan setiap murid adalah sangat penting. Merekod hendaklah sejajar dengan pembelajaran dan pengajaran serta penilaian.

7.9 Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)

PBS perlu dijalankan oleh Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas dengan menyimpan semua dokumen untuk rujukan guru.

7.10 Tindakan Susulan

7.10.1 Murid-murid Pemulihan Khas melepasi Ujian Saringan/Pelepasan akan dikembalikan semula ke kelas arus perdana.

7.10.2 Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas sentiasa memantau perkembangan pembelajaran murid yang telah menguasai kemahiran 3M.

7.10.3 Murid Pemulihan Khas yang telah dikenal pasti mempunyai ciri-ciri murid berkeperluan khas dan telah disahkan oleh pengamal perubatan akan ditempatkan di Program Pendidikan Khas.

8. PENGURUSAN KELAS PEMULIHAN KHAS

8.1 Jadual Waktu

8.1.1 Faktor penting dalam pengurusan jadual waktu

- a) Tentukan masa yang diperlukan mengikut keperluan kelas berpandukan jadual waktu induk sekolah.
- b) Selaraskan dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik.
- c) Jadual waktu mestilah dipamerkan di ruang pengurusan dalam bilik darjah.
- d) Jika perlu, dapatkan kerjasama daripada Jawatan kuasa Jadual Waktu Sekolah

8.1.2 Agihan Waktu Mengajar

- a) 900 minit ke 1020 minit termasuk waktu persediaan 120 minit.
- b) Agihan waktu mengajar bergantung kepada

keperluan mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik dan jumlah murid Pemulihan Khas.

- c) Bagi sekolah yang mempunyai 2 sesi persekolahan:
- I. Jika sekolah mempunyai 2 orang Guru Pemulihan atau lebih guru boleh diagihkan mengikut sesi persekolahan yang ditentukan oleh pentadbir sekolah.
 - II. Jika sekolah mempunyai seorang guru, Guru Pemulihan hendaklah memberi keutamaan kepada murid Tahap 1,
 - III. Guru Pemulihan boleh berada di kedua-dua sesi mengikut kesesuaian.

8.1.3 Jumlah Murid Dalam Pembelajaran dan Pengajaran

Jumlah murid dalam pembelajaran dan pengajaran hendaklah tidak melebihi 15 orang. Walau bagaimanapun jumlah yang paling sesuai adalah tidak melebihi daripada 10 orang murid pada setiap sesi pembelajaran.

8.2 Pengurusan Fail

8.2.1 Tahap 1

Mengikut sistem fail dalam program LINUS

8.2.2 Tahap 2

Fail-fail seperti berikut perlu disediakan.

- a. Fail Individu Murid yang mengandungi dokumen seperti berikut:
 - i. Borang Pencalonan
 - ii. Profil Murid Pemulihan Khas
 - iii. Ujian Saringan dan Diagnostik
 - iv. Rekod Prestasi Ujian Diagnostik
 - v. IPMBDP dan ISD
 - vi. Hasil Penilaian yang telah dijalankan
 - vii. Catatan-catatan lain yang berkaitan dengan murid.

- b. Fail Lembaran Kerja Bahasa Malaysia / Matematik (disediakan secara individu)
- c. Fail Data Prestasi Murid (Individu) dan Kelas
- d. Fail Perancangan Program Pemulihan Khas merangkumi :
 - i. Pelan Tindakan Program
 - ii. Takwim program
 - iii. Carta Gantt aktiviti sepanjang tahun
 - iv. Jadual Waktu
 - v. Borang Tindakan Susulan
- e. Fail Pengurusan
Contoh: surat keluar / masuk

8.3 Rekod Kedatangan Murid

8.3.1 Rekod Kedatangan Murid di kelas Pemulihan Khas hendaklah disediakan bagi merekod kehadiran murid setiap hari.

8.3.2 Rekod ini boleh dijadikan rujukan kekerapan kehadiran murid ke kelas Pemulihan Khas.

8.4 Peruntukan Kewangan

8.4.1 Guru Pemulihan boleh menggunakan peruntukan bagi pelaksanaan Program Pemulihan Khas daripada Bantuan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling berdasarkan pekeliling seperti di bawah:

Di bawah "Bantuan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling"(Pekeliling Kewangan Bil:2/91 – KP1573/17/jld.8(78)bth.11 Feb.1991). Bertujuan untuk bimbingan pendidikan bagi membolehkan kanak-kanak menerima pendidikan yang sesuai dengan bakat, tahap kecerdasan dan kebolehannya.

8.4.2 Pihak pentadbir sekolah perlu memastikan peruntukan PCG bagi Bahasa Malaysia dan Matematik digunakannya oleh Guru Pemulihan untuk penyediaan bahan bantu mengajar untuk Kelas Pemulihan Khas.

8.5 Naik taraf kelas dan Peralatan

- 8.5.1 Program Pemulihan Khas telah menerima peruntukan naik taraf dan peralatan melalui [RMK9/High-Impact Project-(HIPs)].
- 8.5.2 Peralatan yang diterima oleh Program pemulihan Khas perlu direkodkan inventornya dan peralatan tersebut hendaklah berada di dalam kelas pemulihan khas.
- 8.5.3 Kelas Pemulihan Khas yang telah dinaiktaraf melalui RMK9 / HIPs perlu dikekalkan walaupun sekolah mendapat bangunan baru yang mempunyai bilik pemulihan khas kecuali dengan mendapat kebenaran Pengarah Pelajaran Negeri.

9. PERANAN PENTADBIR

9.1 Peranan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

- 9.1.1 Memastikan semua sekolah rendah yang diperuntukkan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas mengikut keperluan dipatuhi. Jawatan tersebut adalah di luar norma.
- 9.1.2 Memastikan semua Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas di negeri melaksanakan Program Pemulihan Khas dengan berkesan.
- 9.1.3 Bekerjasama dengan Sektor Pengurusan sekolah yang menguruskan penempatan dan pertukaran Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas.
- 9.1.4 Menjadikan Program Pemulihan Khas sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Pengarah JPN.
- 9.1.5 Memastikan semua Guru Besar / pentadbir memahami prosedur pelaksanaan Program Pemulihan Khas.
- 9.1.6 Mengumpul, menyemak dan membuat analisis data berkaitan Program Pemulihan Khas.
- 9.1.7 Membuat unjuran untuk mengurangkan murid yang belum menguasai kemahiran 3M di peringkat negeri.

- 9.1.8 Memberi penekanan agar Guru Besar memastikan pengajaran dan pembelajaran pemulihan dalam kelas biasa dijalankan di sekolah masing-masing.
 - 9.1.9 Memastikan semua guru Pemulihan / Pemulihan Khas dilantik oleh Pengarah Pelajaran Negeri.
 - 9.1.10 Melakukan pemantauan Program Pemulihan Khas secara berkala.
 - 9.1.11 Merancang dan melaksanakan kursus/bengkel untuk Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas.
 - 9.1.12 Merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan Program Pemulihan Khas.
 - 9.1.13 Menyediakan laporan berkala pencapaian Program Pemulihan Khas untuk dihantar ke Bahagian Pendidikan Khas, KPM
- 9.2 Peranan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)
- 9.2.1 Menubuhkan Jawatankuasa Program Pemulihan Khas dan memastikan ia berfungsi sepenuhnya.
 - 9.2.2 Memastikan semua Guru Pemulihan/ Guru Pemulihan Khas melaksanakan Program Pemulihan Khas dengan berkesan.
 - 9.2.3 Menjadikan Program Pemulihan Khas sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) PPD.
 - 9.2.4 Memastikan semua Guru Besar memahami prosedur pelaksanaan Program Pemulihan Khas.
 - 9.2.5 Membuat unjuran untuk mengurangkan murid yang belum menguasai kemahiran 3M di peringkat daerah.
 - 9.2.6 Memberi penekanan agar Guru Besar memastikan pengajaran dan pembelajaran pemulihan di dalam kelas biasa dijalankan di sekolah masing-masing.
 - 9.2.7 Menjalankan pemantauan secara berkala di Program Pemulihan Khas.

9.2.8 Menyediakan laporan berkala pencapaian Program Pemulihan Khas kepada JPN.

9.3 Peranan Guru Besar

9.3.1 Memastikan Program Pemulihan Khas dijalankan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

9.3.2 Memastikan Jawatankuasa Pemulihan Khas sekolah di tubuhkan dan mempengerusikan Jawatankuasa tersebut.

9.3.3 Mengenalpasti dan mencalonkan guru yang berkelayakan sebagai Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas.

9.3.4 Memastikan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas dilantik oleh Jabatan Pelajaran Negeri.

9.3.5 Sekiranya Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas cuti bersalin, cuti sakit berpanjangan, berkursus atau menunaikan haji, Guru Besar perlu melantik seorang guru ganti dan memastikan kelas pemulihan khas dilaksanakan.

9.3.6 Guru bermasalah kesihatan, guru bermasalah disiplin, guru kontrak, guru jawatan dalam kumpulan (*pool*) **tidak boleh** dilantik sebagai Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas.

9.3.7 Guru Besar hendaklah menentukan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas tidak dibebani dengan tugas-tugas yang boleh menjejaskan pengendalian kelas Pemulihan Khas (seperti Pengerusi Buku Teks, Pengerusi RMT, Setiausaha Sukan, Setiausaha Peperiksaan, Ketua Panitia Mata Pelajaran dan Guru Data, Guru Kelas, Guru Disiplin, Setiausaha PIBG)

9.3.8 Kelas Pemulihan Khas **TIDAK BOLEH DITUTUP** oleh pihak sekolah tanpa mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri atau Kementerian Pelajaran Malaysia [Surat Siaran KP(BS)8502/5/PK/Jld.V(34)].

9.3.9 Program Pemulihan Khas sebagai salah satu Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Guru Besar.

9.3.10 Memastikan semua guru memahami prosedur pelaksanaan Program Pemulihan Khas.

9.3.11 Memastikan data dikemukakan ke Pejabat Pelajaran Daerah pada waktu yang ditetapkan.

9.3.12 Memastikan semua peralatan/bahan yang dibekalkan untuk Kelas Pemulihan Khas ditempatkan di dalam Kelas Pemulihan Khas.

9.3.13 Memantau dan mencerap pelaksanaan Program Pemulihan Khas secara berkala.

9.3.14 Menyediakan kemudahan fizikal untuk Program Pemulihan Khas seperti:

- i) Sebuah bilik darjah yang kondusif dengan keluasan 3 bay
- ii) Sekolah-sekolah yang tiada kemudahan seperti dalam perkara (i) di atas hendaklah mengadakan ruang yang bersesuaian

9.3.15 Memastikan peruntukan kewangan daripada PCG Bahasa Malaysia, Matematik dan Bimbingan dan Kaunseling kepada Program Pemulihan Khas.

9.3.16 Memastikan Kelas Pemulihan Khas tidak **DITUTUP**, dan mengarah Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas menggantikan guru yang tidak hadir / berkursus / bersalin / sakit berpanjangan dan sebagainya ke sekolah pada tempoh yang panjang.

9.4 Peranan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas

9.4.1 Merancang dan melaksanakan Program Pemulihan Khas mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

9.4.2 Memastikan murid tahap 1 dan tahap 2 menguasai kemahiran asas 3M sebagai sasaran kerja tahunan (SKT)

9.4.3 Menjalankan (IPMBDP) dan ISD kepada murid yang kebarangkalian mempunyai ciri-ciri keperluan khas

9.4.4 Membantu guru-guru mata pelajaran dalam mengenal pasti murid-murid yang perlu mengikuti Program Pemulihan Khas.

- 9.4.5 Berjumpa dan berbincang dengan guru mata pelajaran, guru bimbingan, ibubapa dan pihak-pihak lain untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tingkah laku, tahap kesihatan dan lain-lain keterangan mengenai latar belakang murid.
- 9.4.6 Bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Program Pemulihan Khas serta menjadi ahli Jawatankuasa Kurikulum Sekolah.
- 9.4.7 Mengadakan latihan perkembangan staf mengenai Program Pemulihan Khas di peringkat sekolah.
- 9.4.8 Menghadiri kursus/bengkel/taklimat yang dianjurkan oleh KPM/JPN/PPD

10. PENUTUP

Garis Panduan ini mencadangkan tatacara dan amalan yang patut diikuti oleh semua Guru Pemulihan dan juga semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Program Pemulihan Khas dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Diharapkan ia dapat memberi manfaat kepada semua pihak demi membantu murid-murid yang menghadapi masalah penguasaan asas 3M.

LETTER-HEAD JPN

Ruj. JPN:

Tarikh :

Tuan/Puan/Encik/Cik

(No. KP :.....)

Melalui dan Salinan:

Guru Besar

.....

.....

Tuan/Puan,

PELANTIKAN GURU PEMULIHAN

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

5. Sukacita dimaklumkan bahawa Tuan/Puan/Encik/Cik(No. KP :.....) telah dilantik sebagai Guru Pemulihan di SK.....mulai

6. Sehubungan itu, tuan/puan dikehendaki melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di Kelas Pemulihan Khas secara sepenuh masa agar matlamat Program Pemulihan Khas untuk membasmi masalah penguasaan kemahiran asas 3M (menulis, membaca dan mengira) tercapai.

7. Komitmen dan kerjasama di antara tuan/puan dan pihak sekolah adalah diminta agar kelicinan dan kejayaan Program Pemulihan Khas di sekolah ini sentiasa dapat dipertingkatkan.

8. Pelantikan ini hendaklah dipatuhi. Sebarang pertukaran Guru Pemulihan , mestilah dirujuk kepada Unit Pendidikan Khas, Sektor Pendidikan Swasta dan Pendidikan Khas, Jabatan Pelajaran Negeri untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

()
JPN.....

LAMPIRAN 2

CADANGAN PELAN SUSUN ATUR PERABOT DAN PERALATAN DALAM KELAS PEMULIHAN KHAS



1. Meja Guru
2. Kerusi Guru
3. Kerusi Komputer
4. Meja Komputer
5. Meja Bulat / Meja Jepun
6. Meja Murid
7. Kerusi Murid
8. Meja Kerel
9. Rak 'Multipurpose:'
10. Rak Buku
11. Rak Fail
12. White Board
13. White Board Esel Adjustable
14. Rak TV & VCD
15. Cermin Muka /Sinki
16. Cermin Tegak
17. Softboard
18. Rak Carta
19. Rak Manipulatif
20. Carpet
21. Display Board

**BORANG PENCALONAN
KEMASUKAN KE PROGRAM PEMULIHAN KHAS
SESI (20....)**

- 1. Nama Sekolah :
- 2. Nama Murid :
- 3. Kelas :
- 4. Umur :
- 5. Jantina :
- 6. Jumlah Kedatangan :

7. Sebab-sebab dicalonkan ke Program Pemulihan Khas
(Tandakan ✓ pada kotak yang sesuai)

7.1. Gagal IPP2M Markah pelepasan II
(Nyatakan skornya)

7.2. Tidak melepasi Saringan Konstruk
(Nyatakan konstruk)

7.3. Masalah Kesihatan Nyatakan:.....

.....
.....

7.4 Cadangan guru mata pelajaran

7.5. Permintaan ibu bapa

7.6. Cadangan Guru Besar

7.7. Lain-lain Nyatakan:.....

.....
Tandatangan Guru Kelas:

Tarikh:

PROFIL MURID PEMULIHAN KHAS

A. Latar belakang Umum

1. Nama:.....
2. Umur:..... tahun.....bulan. Tarikh Lahir:.....
3. Tempat dilahirkan:.....
4. Jantina:.....
5. Agama:.....
6. Tarikh Masuk Sekolah:.....
7. Alamat Rumah:.....
8. Bandar/Luar Bandar:.....Jauh dari sekolah:.....
9. Cara ke sekolah:.....
10. Pekerjaan Bapa/Penjaga:.....
11. Latar belakang Pendidikan Ibubapa/penjaga:.....
(*Sekolah Rendah, Menengah, Maktab, Universiti*)
12. Tinggal Dengan Siapa:.....
13. Bahasa Ibunda:.....
14. Bahasa yang digunakan di rumah:.....
15. Bilangan kanak-kanak di rumah:.....
Laki-laki:.....Perempuan:.....
16. Bilangan penghuni dalam rumah:.....
17. Kedudukan dalam keluarga:.....
(*Sulung, Tunggal, Bungsu dan sebagainya*)
18. Bilangan anak bersekolah dalam keluarga:.....
19. Pengalaman Prasekolah:.....
20. Sejarah Kelahiran:.....
.....
(*Pramatang, overdue, demam panas, songsang, kecederaan, lemas, penyakit kronik, dll*)

**KELAS PEMULIHAN KHAS
BORANG PENGUMPULAN MAKLUMAT**

TAHUN :-.....

NAMA MURID :.....

KELAS :.....

Maklumat dari :-

1. REKOD-REKOD SEKOLAH
 - a. Peribadi
 - b. Prestasi
 - c. Kesihatan
2. PERBINCANGAN DENGAN GURU BESAR
3. PERBINCANGAN DENGAN GURU KELAS
4. PERBINCANGAN DENGAN IBU BAPA
5. BORANG RUJUKAN

6. PEMERHATIAN GURU PEMULIHAN

CATATAN

TERIMA

TIDAK TERIMA

(Pada kotak yang sesuai tandakan dengan /)

Tandatangan Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas:- _____

Nama Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas1 :- _____

Tarikh :- _____

KUMPULAN 1		KUMPULAN 2		KUMPULAN 3	
BIL	NAMA MURID	BIL	NAMA MURID	BIL	NAMA MURID

KUMPULAN 1		KUMPULAN 2		KUMPULAN 3	
BIL	NAMA MURID	BIL	NAMA MURID	BIL	NAMA MURID

Nama Guru Pemulihan / Guru Pemulihan Khas :- _____

Tandatangan :- _____

Disahkan oleh :- _____
(Guru Besar)

LAMPIRAN 8
Borang Skor USBM(SR)

SKOR UJIAN SARINGAN BAHASA MELAYU
PROGRAM PEMULIHAN KHAS SEKOLAH RENDAH
(MENGGUNAKAN IPP2M)

Kod Sekolah : Daerah :

Nama Sekolah : No. Tel.:

Bil	Nama Murid (Susun ikut rangking markah Tertinggi di atas)	Thn.	Jantina		Kaum				Jumlah Kehadiran Tahun Lepas Bagi Skor 0 - 9	Skor (Tanda /)		
			L	P	M	C	I	L		0 - 9	10-45	46-60

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

.....
Nama:

Guru Pemulihan

.....
Guru Besar

Cop Jawatan:

NOTA:

SKOR 0 – 9 DICADANGKAN KE PROGRAM PENDIDIKAN KHAS

SKOR 10 – 45 MASUK KE PROGRAM PEMULIHAN KHAS

SKOR 46 – 60 KELAS BIASA

* Perbanyakkan borang ini jika tidak mencukupi

LAMPIRAN 9

**SKOR UJIAN SARINGAN MATEMATIK
PROGRAM PEMULIHAN KHAS SEKOLAH RENDAH
(MENGUNAKAN IKAM)**

NAMA : _____

TARIKH LAHIR : _____ UMUR : _____ TAHUN : _____

SEKOLAH : _____

Bil	Nama Murid (Susun mengikut markah tertinggi)	Jantina		Kaum				MARKAH LULUS MENGIKUT TOPIK										
		L	P	M	C	I	L	1			2			3	4			
								A	B	C	D	E	F	G	H			

Disediakan Oleh:

Disahkan Oleh:

.....
Nama:

Guru Pemulihan

.....
Guru Besar

Cop Jawatan:

NOTA:

Murid dianggap menguasai kemahiran asas matematik sekiranya lulus semua item yang diuji

* Perbanyakkan borang ini jika tidak mencukupi

LAMPIRAN 10

1. Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM. Bil.KP(BS)8594/PK / Jld.11 (32) bertarikh 22 Jan.1985
(Guru Khas Pendidikan Pemulihan)
2. Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM. Bil.KP(BS)8502/5/PK/Jld. V(26) bertarikh 28 Jan.1986
(Kelas Khas Pemulihan Di Sekolah Rendah)
3. Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM. Bil.KP(BS)8502/PK/Jld. V(29) bertarikh 17Mac.1986
(Pengawasan dan Penyeliaan Program Pemulihan)
4. Surat Siaran Bahagian Sekolah-sekolah KPM. Bil.KP(BS)8502/PK / Jld.V(34)bth.30 Jun 1989
(Guru Khas Pemulihan Khas Dan Penubuhan Kelas Khas Pemulihan Di Sekolah Rendah)
5. Surat Siaran Bahagian Pendidikan Khas KP/BPK/CPPK/03/02/001/(90) bth.18 November 2008
(Status Kelas Pemulihan Khas Yang Telah Dinaiktaraf Dan Penerimaan Peralatan PPSMI Pemulihan Khas)
6. Surat Siaran Bahagian Perkembangan KurikulumKP(BPK)400-32/6Jld.3 (61) bth. 22 April 2010
[Pelaksanaan Program Literasi dan Numerasi (LINUS) Tahap 1 Di Sekolah Rendah]
7. Surat Siaran Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran KPM.BPKHAS.300-2/3/13 bth. 17 Ogos 2011
(Pengesahan Murid Berkeperluan Khas Program LINUS Oleh Pegawai Perubatan)
8. Surat Siaran Bahagian Pendidikan Khas KPM>BPKHAS.300-2/2/3(10) bth. 08 Ogos 2011
(Pelaksanaan Instrumen Senarai Semak Disleksia)
9. Surat Siaran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KP(BPSH-SPDK) 201/005/02 Jld. 4(1)bth. 23 Mac 2012
[Tatacara Pelaksanaan Saringan dan Tahap Penguasaan Literasi dan Numerasi (LINUS) Murid Tahap 1, Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)]

10. Surat Siaran Bahagian Pengurusan Sekolah Harian KP(BPSH-SPDK)
201/005/02 Jld. 4(18)bth. 03 Julai 2012
(Guru Pemulihan DiBawah NKRA Pendidikan – LINUS)

11. Surat Siaran Bahagian Pendidikan Khas KPM.BPKHAS.300-2/2/3 (24)
bth. 29 Oktober 2012
(Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Tahun 2012)

